




PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE TREASURY)
TINGKAT 2, 8-12
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

selangorku



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO. : AR 1905

Ruj. kami : PWN.Sel.(PPA) 052.3LD4(02)
Tarikh : 12 Ramadhan 1439H
28 Mei 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YB Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN URUSAN PEROLEHAN OLEH AGENSI KERAJAAN DI NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan rujukan : S/K.KEW/PK/KKM/D/OO Jld. 4 SK.1(9) bertarikh 17 Mei 2018 adalah berkaitan.

2. Sebagai makluman YB Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan, Perbendaharaan Negeri telah menerima pertanyaan lisan dan bertulis dari jabatan/agensi Kerajaan di Negeri Selangor berhubung status kuat kuasa Surat Edaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bertarikh 17 Mei 2018 bertajuk "**Pelaksanaan Urusan Perolehan Oleh Agensi Kerajaan**".

3. Perbendaharaan Negeri ingin memaklumkan bahawa pemakaian surat edaran itu hanyalah kepada Kementerian serta jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan sahaja. Oleh yang demikian, **jabatan/agensi Kerajaan Negeri Selangor yang melaksanakan projek dengan pembiayaan peruntukan kewangan secara langsung (kecuali Pinjaman) dari Kerajaan Persekutuan adalah disyorkan merujuk semula agensi pembiaya tersebut untuk mendapatkan kata putus berhubung status perolehan projek masing-masing.**

4. Sehubungan dengan itu, **semua perolehan perkhidmatan/ bekalan/ kerja yang telah diluluskan peruntukan khusus baginya di dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM), Anggaran Belanja Pembangunan (ABP) dan/atau Tabung Amanah oleh Kerajaan Negeri boleh diteruskan pelaksanaannya tertakluk kepada pekeliling dan tatacara kewangan semasa yang sedang berkuat kuasa.**

..12



No. Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN),
603-5544 7297 (TPWN),
603-5512 1054 (Bendahari Negeri),
603-5526 1055 (Belanjawan)
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>

Visit *selangor*
Discover Selangor
Terokai Selangor 2015

Ruj. kami : PWN.Sel.(PPA) 052 J111D-4 (12)

PELAKSANAAN URUSAN PEROLEHAN OLEH AGENSI KERAJAAN DI NEGERI SELANGOR

5. Segala kerjasama dan perhatian YB Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' NOR AZMIE DIRON)
D.P.M.S
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Edaran Dalaman:-

TPWN
KPPWN (Belanjawan)

- Untuk makluman tuan jua.

Salinan Kepada:-

YAB Dato' Menteri Besar Selangor
Pejabat YAB Dato' Menteri Besar Selangor
Tingkat 21, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor



Ruj. Kami : S/K.KEW/PK/KKM/D/00 JLD.4
SK.1 (9)
Tarikh : 17 Mei 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN URUSAN PEROLEHAN OLEH AGENSI KERAJAAN

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara di atas dan keputusan YAB Perdana Menteri bertarikh 15 Mei 2018 serta Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan pada 12 Mei 2018 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, bagi memastikan segala urusan perolehan dan pembayaran dapat dilaksanakan berdasarkan tatacara dan punca kuasa yang sah, YAB Perdana Menteri telah memutuskan perkara-perkara dasar seperti berikut:

- 2.1. Selaras dengan penurunan kuasa yang masih berkuat kuasa di bawah Seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa adalah dibenarkan untuk melaksanakan dan memutuskan perolehan secara pembelian terus, lantikan terus, *requisition* dan sebut harga sahaja. Pertimbangan perolehan ini adalah tertakluk kepada pelaksanaan dasar dan program sedia ada dimana peruntukan kewangan mengenainya telah diluluskan dalam Belanjawan 2018 serta pematuhan kepada semua peraturan dan tatacara perolehan atau kewangan semasa yang berkuat kuasa. Bagi semua tender sama ada secara tender terbuka atau terhad dan perolehan secara rundingan terus hendaklah ditangguhkan pelaksanaannya sehingga mendapat persetujuan Kerajaan;

2.2. Manakala, bagi perolehan yang telah diputuskan oleh Pihak Berkuasa Melulus tetapi Surat Setuju Terima (SST) masih belum dikeluarkan, Agensi Kerajaan hendaklah menangguhkan urusan perolehan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi memastikan perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas, Agensi Kerajaan adalah dibenarkan untuk melanjutkan kontrak sedia ada tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan bagi kontrak yang telah tamat mulai 7 April 2018 atau yang akan tamat tidak lewat daripada 31 Mei 2018. Pelanjutan ini hendaklah diluluskan dan dimuktamadkan oleh Pegawai Pengawal tertakluk kepada terma kontrak sedia ada dan peruntukan kewangan mengenainya telah diluluskan dalam Belanjawan 2018. Agensi Kerajaan dikehendaki mengambil tindakan susulan termasuk melanjutkan tempoh sahlaku tawaran dan menyempurnakan Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*); dan


2.3. Pegawai awam yang telah diturunkan kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120] boleh memasuki apa-apa kontrak tertakluk peruntukan kewangan mengenainya telah diluluskan dalam Belanjawan 2018 dan pematuhan ke atas semua peraturan dan tatacara perolehan atau kewangan semasa yang berkuat kuasa.

3. Agensi Kerajaan juga hendaklah meneruskan pelaksanaan semua perolehan yang telah dikeluarkan SST, manakala perolehan tender terhad dan rundingan terus yang telah diberi surat kelulusan oleh Kementerian Kewangan tetapi belum dikeluarkan SST hendaklah ditangguhkan pelaksanaannya sehingga mendapat persetujuan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR)

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

s.k.

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Audit Negara